

# Usaha kurangkan harga kereta nasional

BH 15 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan merancang mengeluarkan komponen kereta dalam negara melalui sistem vendor bagi mengurangkan harga kereta nasional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rancangan itu juga bukan saja dapat mengurangkan kos pengeluaran kereta, malah memberi peluang kepada lebih ramai Bumiputera terbabit dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

"Kita dapati walaupun kita mengeluarkan komponen tempatan tetapi dalam komponen itu masih terdapat banyak alat ganti yang diimport dan ini menyebabkan harga komponen itu menjadi tinggi.

"Selagi kita tidak dapat mengurangkan kos kereta kita, kita tidak dapat bersaing dengan negara lain, terutama tempoh pelaksanaan Kawasan Perdagaa-

ngan Bebas Asean (Afta) pada 2003 atau selewat-lewatnya 2005 yang akan menyebabkan persaingan sengit antara kereta nasional dan asing," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Kenari, kereta nasional model terbaru yang diperkenalkan oleh Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua).

Kenari yang berharga kira-kira RM42,555, termasuk aksesori, dibangunkan berasaskan model Daihatsu Move dan berkonsepkan kenderaan pelbagai guna (MPV) mini.

Ditanya sama ada harga kereta nasional yang dikeluarkan Perodua dan Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) boleh dikurangkan secara drastik apabila komponen kereta dikeluarkan sepenuhnya dalam negara, Dr Mahathir berkata:

"Tak tahulah drastik ke... tak bolehlah (harganya) RM15 satu."

Dr Mahathir berkata, kerajaan kini membuat persiapan untuk mengeluarkan komponen tempatan kerana mendapati selama ini ada bahagian tertentu komponen tempatan itu sebenarnya diimport.

## Spesifikasi Kenari di Muka 15

"Bila kita perhatikan, kadangkala kita dapati di luar saja buatan Malaysia tetapi di dalam tidak. Kita harus memastikan bahawa kita dapat mengeluarkan komponen itu sendiri," katanya.

Bagaimanapun katanya, usaha itu memerlukan sokongan pengguna, mereka yang berminat dalam bidang pembuatan dan yang mahu menguruskan

perusahaan itu secara tersusun serta telatih.

Beliau berkata, yang penting ialah mereka yang terbabit dalam bidang pengeluaran bahan komponen kereta itu nanti benar-benar serius, bukan sambil lewa atau kerana menunggu kerja lain.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menggalakkan industri automotif tempatan mengadakan kerjasama strategik dengan syarikat asing untuk memperkembangkan lagi industri itu, tetapi tidak akan menjual ekuiti majoriti kepada mereka bagi mempertahankan kepentingan tempatan dalam industri terbabit.

Ditanya sama ada Proton dan Perodua berada dalam kedudukan kukuh untuk menghadapi cabaran pasaran terbuka menjelang Afta nanti, beliau berkata kedua-dua syarikat penge-

luar kereta tempatan itu masih memerlukan bantuan kerajaan.

"Falsafah yang kita dengar sekarang ialah jika anda tidak dapat bersaing, anda sukar bernafas. Kalau bergabung sekalipun (Proton dan Perodua) masih kecil berbanding syarikat pengeluar kereta dunia," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata sebenarnya, tiada negara Asean lain yang mengeluarkan kereta nasional kecuali Malaysia.

Beliau berkata, jika pengeluaran kereta nasional tidak boleh menjadi lebih bersaing dari segi kos sebelum Afta berkuat kuasa, perniagaan mereka mungkin merosot dan mungkin diambil alih syarikat gergasi.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bernasib baik kerana ia menerokai industri automobil

LIHAT MUKA 2, RUANG 3

## Sekat syarikat asing kuasai industri kereta

DARI MUKA 1

BH 15 JUN 2000

dalam masa yang amat sesuai, ia itu pada awal 80-an dan 90-an.

"Kalau kita masuk masa ini, mungkin kita akan gagal sama sekali kerana industri automotif sekarang melalui proses penggabungan dan pemilikan supaya industri ini dikuasai syarikat gergasi," katanya.

Beliau berkata, syarikat gergasi di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah kini mengeluarkan jutaan kereta setiap tahun, menjadikan mereka kaya dan mampu menjalankan R&D yang menelan belanja besar.

Katanya, negara maju sedang meningkatkan piawaian mereka setiap tahun dan jika tidak dipenuhi, pengeluar dari negara luar tidak akan dapat menjual ke pasaran mereka.

"Dengan itu pemiagaan kita terhad dan kita menjadi syarikat kecil dan tidak dapat bersaing. Dan kita tidak ada tempat sama sekali dalam industri ini. Oleh sebab itu, pengeluar kereta nasional mungkin gulung tikar kalau tidak berjaga-jaga," katanya.

Dr Mahathir berkata, satu cara untuk mengelakkan perkara ini berlaku ialah dengan tidak membenarkan syarikat automotif gergasi mengambil alih kepentingan dalam syarikat kereta nasional.

"Walaupun mereka berjanji kita akan mereka bentuk kereta sendiri tetapi lama kelamaan kita akan jadi pemasangan saja. Dengan itu, kita tidak dapat belajar dan mencapai keupayaan kejuruteraan. Kita akan menjadi bangsa yang mundur," katanya.